

# Pegawai polis digesa kuasai bidang ICT



Oleh NORHANA SALASHAR  
BASHARUDDIN

KUALA LUMPUR 6 Sept. - Pegawai polis digesa menguasai kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) bagi memastikan pengetahuan serta kemahiran mereka seiring dengan kemajuan dunia tanpa sempadan.

Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, perkara ini amat penting dan harus menjadi agenda utama setiap pegawai polis kerana ia merupakan keperluan semasa.

"Kemajuan teknologi yang sepatutnya membawa kecemerlangan dan kesejahteraan kepada manusia kini sering disalahgunakan.

"Oleh itu setiap pegawai polis perlu menyiapkan diri mereka dengan ilmu dalam bidang ICT supaya perkara ini dapat diatasi.

"Ini amat penting kerana pegawai polis

pada hari ini merupakan generasi yang bertanggungjawab memimpin pasukan polis sehingga mencapai matlamat Wawasan 2020," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyampaian Sijil Asas Kepolisan Kadet ASP dan Inspektor Siri 1/2005 di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) di sini hari ini.

Turut hadir Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Fauzi Saari, Kdmandan Maktab PDRM, Senior Asisten Komisioner 1, Benjamin Hasbie dan Komandan Pusat Latihan Polis (Pulapol) Kuala Lumpur, SAC II Asri Yusoff.

Musa berkata, dengan menguasai ICT, seseorang itu bukan sahaja dapat meningkatkan ilmu pengetahuan tetapi dalam masa sama membantu mereka menjadi pegawai polis yang cemerlang.

"Selain menguasai ICT mereka juga harus mendalami pelbagai bahasa dan meningkatkan kemahiran dalam penggunaan teknologi moden bagi memastikan

kerjaya mereka benar-benar cemerlang," ujarhya.

Menurut beliau, bagi memastikan sasaran melahirkan pegawai polis yang cemerlang tercapai, PDRM telah menjalin usaha bersama dengan beberapa Universiti tempatan dan antarabangsa.

"Beberapa jurusan telah ditawarkan di Universiti ini bersesuaian dengan bidang polis.

"Antaranya seperti Diploma Sains Kepolisan, Diploma Psikologi, Sarjana Sains Sosial, Diploma Sains Siasatan dan lain-lain lagi," katanya.

Padamajlis tersebut, seramai 614 pegawai polis berpangkat Kadet Asisten Supritendan (ASP) dan Inspektor ditauliahkan dalam suasana penuh adat istiadat itu.

Daripada jumlah itu 53 Kadet ASP dan selebihnya Inspektor.

Dalam pada itu lima pegawai polis dari Timor Leste turut ditauliahkan selepas mereka mengikuti latihan Asas Inspektor Polis selama sembilan bulan di Pulapol.

**MUSA Hassan dan Fauzi Saari (belakang) mengucapkan tahniah kepada para pegawai polis yang ditauliahkan pada Majlis Penyampaian Sijil Asas Kepolisan Kadet ASP dan Inspektor Siri 1/2005 di Maktab Polis Diraja Malaysia (PDRM) Kuala Lumpur, semalam.**

- Gambar AZLI AHAD